



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### SKUAD WAJA KOMITED BANTU BANTERAS ISU KEGANASAN TERHADAP WANITA DALAM KOMUNITI

**SELANGOR, 28 Oktober** – YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program Semarak Skwad WAJA 2023 Negeri Selangor bertempat di Cyberjaya hari ini. Antara objektif program ialah bagi menyebarkan luas pelaksanaan dan peranan Skwad Waja kepada pemimpin komuniti di peringkat negeri Selangor. Program ini mensasarkan penglibatan ketua-ketua komuniti di dalam negeri Selangor yang akan diberikan pendedahan berkaitan pelaksanaan dan peranan ahli Skwad Waja yang telah dilatih dalam komuniti.

Penubuhan Skwad WAJA di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan. Skwad WAJA juga bertindak sebagai agen perubahan dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita dalam komuniti serta membantu dalam membina sebuah masyarakat yang saling bantu membantu dan meningkatkan keharmonian.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan rumah bagi seluruh negara telah mencatatkan kes sebanyak 22,908 kes sejak tahun 2020 sehingga Ogos 2023. Terdapat peningkatan kes yang tinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak 7,468 kes berbanding pada tahun 2020 yang mencatatkan sebanyak 5,260 kes. Manakala bagi tahun 2022, jumlah kes keganasan rumah

tangga masih lagi tinggi walaupun menunjukkan sedikit penurunan kepada 6,540 kes. Bagi tahun ini pula, sehingga Ogos 2023, sebanyak 3,640 kes telah dicatatkan. Negeri Selangor merupakan negeri tertinggi dalam jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2020 sehingga Ogos 2023 iaitu dengan 4,690 kes.

Sejak penubuhan Skwad WAJA pada tahun 2021 sehinggalah Disember 2022, terdapat seramai 328,558 orang ahli Skwad Waja, dengan seramai 253,973 orang wanita (77.3%) dan 74,585 orang lelaki (22.7%). Bagi negeri Selangor sahaja, terdapat seramai 26,910 orang ahli Skwad WAJA yang melibatkan seramai 25,767 wanita dan 1,143 lelaki.

Skuad WAJA telah bergerak aktif turun padang bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sebanyak 1,012 program psikososial Skwad WAJA telah dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai 72,942 orang yang telah berjaya disantuni. Manakala, daripada jumlah tersebut, sebanyak 104 program psikososial telah dijalankan dengan melibatkan 12,506 orang yang berjaya disantuni bagi di negeri Selangor.

Pelaksanaan program Skwad WAJA ini telah mewujudkan sinergi yang baik antara pihak kerajaan dan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Menjadi harapan KPWK M agar Program Semarak Skwad Waja 2023 Peringkat Negeri Selangor ini akan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat negeri Selangor terutama dalam kalangan ketua komuniti dengan memberikan kesedaran dan perlindungan kepada kaum wanita daripada segala bentuk keganasan dan diskriminasi.

**###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
28 OKTOBER 2023**